

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
[ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 16.3.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan statistik terkini pendaftaran masuk bagi sistem 1BestariNet, dipecahkan mengikut murid, guru dan ibu bapa.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 24 Februari 2015 bilangan pengguna yang telah menggunakan Persekitaran Pembelajaran Maya atau dengan izin "Virtual Learning Environment (VLE)" 1BestariNet adalah seramai 1,715,367 orang murid, 383,396 orang guru dan 188,790 orang ibu bapa.